



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



KIK AKAR Melakar Nama Di Peringkat KIK UiTM Kali Ke 19



Kemenangan terbesar Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) AKAR 2014, telah mengharumkan nama PTDI khususnya dan UiTM Cawangan Johor amnya, apabila kumpulan ini telah merangkul **JOHAN KESELURUHAN** sempena Konvensyen KIK UiTM Kali ke 19 di A'Famosa Resort Melaka pada 20 hingga 22 Oktober 2014.

Antara kemenangan lain yang turut dirangkul adalah **ANUGERAH EMAS, ANUGERAH INOVASI TEKNIKAL TERBAIK, dan ANUGERAH FASILITATOR TERBAIK (Puan Norme Binti Haji Salleh, Pembantu Perpustakaan).**

Semoga Kumpulan AKAR PTDI terus berusaha mencetuskan idea-idea kreatif bagi menghasilkan inovasi yang memberi impak yang positif.

Dapatkan berita menarik di dalam...

Sidang Redaksi



Penaung	:	Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Azizan bin Abdullah
Penasihat	:	Puan Maznah binti A. Hamid
Pengarang	:	Puan Siti Rozana binti Mat Sanat Encik Mohd Hafiz binti Kasirun Puan Mawar Noor binti Abdullah Encik Idris bin Muhammad Cik Nor Azelea binti Mohd Azahar
Editor	:	Encik Abdul Razak bin Abu Encik Roslan bin Mohd Nor
Percetakan	:	Puan Norme binti Hj Saleh
Rekaletak/Konsep	:	Encik Mohd Danial bin Daud Saudari Norazra binti Rahmat (Pelajar Praktikal Feb - Jun 2015) Saudari Nur Areena Aqilah binti Mohd Sapri (Pelajar Praktikal Ogos - Disember 2015)
Edaran	:	Encik Juharie bin Jemain



TERBAHARU DI PTDI

Oleh : Mohd Hafiz bin Kasirun




Perpustakaan Tun Dr Ismail telah menerima sebanyak 2 unit Mesin Pinjaman Bahan secara layan diri (Selfcheck Machine Kiosk) dan 2 unit Mesin Pemulangan Bahan secara layan diri (Bookdrop Machine Kiosk) masing-masing diletakkan sebuah di PTDI 1 dan PTDI 2.

Dengan adanya kiosk-kiosk layan diri tersebut, pengguna di PTDI mempunyai pilihan samada membuat pinjaman dan pemulangan bahan di kaunter perkhidmatan ataupun di kiosk yang telah disediakan secara layan diri.

Disamping itu juga, pengguna PTDI boleh memulangkan buku-buku yang telah dipinjam dengan hanya menggunakan Mesin Pemulangan Bahan secara layan diri (Bookdrop Machine Kiosk) yang diletakkan di hadapan pintu masuk PTDI 1 dan PTDI 2 pada bila-bila masa sahaja asalkan buku-buku yang ingin dipulangkan tersebut mempunyai pelekat samada hijau atau oren.

Berikut adalah cara-cara penggunaan pemulangan bahan menggunakan Mesin Pemulangan Buku secara layan diri (Bookdrop Machine Kiosk):



LANGKAH 1:
PILIH BAHASA




LANGKAH 2:
IMBAS KAD PELAJAR/STAF




LANGKAH 3:
TEKAN BUTANG SETERUSNYA



LANGKAH 4:
LETAK BUKU DI PETAK HITAM



LANGKAH 5:
PASTIKAN BUTANG HIJAU
MENYALA SEBELUM
MASUKKAN BUKU
KEDALAM BIN



LANGKAH 6:
TUNGGU PROSES
PEMULANGAN



LANGKAH 7:
PASTIKAN DATA BUKU
TEPAT DAN TEKAN
BUTANG SELESAI



LANGKAH 8:
AMBIL RESIT
PEMULANGAN

Diharapkan dengan adanya kiosk pinjaman dan pemulangan bahan secara layan diri ini dapat memberikan manfaat yang terbaik kepada pengguna di PTDI dan mampu meningkatkan jumlah pinjaman bahan di Perpustakaan.

#Jom Pinjam Buku#

#PTDI Awesome#

#We Love PTDI#